



Mengenai Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”)

Khazanah merupakan syarikat pegangan pelaburan milik Kerajaan yang diamanahkan untuk menguruskan aset komersial milik Kerajaan dan

juga melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965 pada 3 September 1993 sebagai sebuah syarikat awam berhad. Modal saham Khazanah Nasional dimiliki oleh Menteri Kewangan (Diperbadankan), sebuah badan korporat yang diperbadankan di bawah Akta Menteri Kewangan (Diperbadankan) 1957.

Lembaga Pengarah Khazanah terdiri daripada sembilan orang wakil daripada sektor awam dan swasta. YAB Perdana Menteri, Dato’ Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak merupakan Pengerusi Lembaga Pengarah. Khazanah mempunyai pegangan dalam lebih 50 syarikat yang mempunyai aset melebihi US\$25 bilion.

Khazanah juga merupakan agensi kerajaan yang bertanggung jawab untuk pelaburan strategik di luar negara. Syarikat-syarikat ini berkecimpung dalam pelbagai sektor, antaranya tenaga, telekomunikasi, perbankan, automotif, pengurusan lapangan terbang, prasarana, pembangunan hartanah, penyiaran, semi-konduktor, pegangan pelaburan, teknologi penyelidikan dan modal teroka.

Beberapa syarikat tersenarai utama dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad, CIMB Group Holdings Berhad, Axiata Group Berhad, Proton Holdings Berhad, PLUS Expressway Berhad, Malaysian Airline System Berhad, Malaysia Airports Holdings Berhad, UEM World Berhad, UEM Group Berhad dan UEM Land Berhad.

Di bawah Program Transformasi Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan (“GLC”), Khazanah turut menjadi agensi utama yang diberikan mandat untuk menjana peningkatan nilai pemegang saham, kecekapan operasi serta tadbir urus korporat GLC-GLC terlibat.

Wawasan dan misi Khazanah adalah untuk muncul sebagai firma pelaburan strategik yang terulung di rantau ini, yang menjana prestasi korporat dengan piawai pencapaian yang tinggi di dalam sektor-sektor yang dianggap strategik kepada ekonomi negara. Khazanah adalah komited untuk membangunkan Malaysia yang berdaya saing di peringkat global, melalui pembangunan modal insan yang baik dan mengekalkan etika profesional tertinggi setiap masa.